

YKP lantik fellow tahun ini

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan FAUZI JAAFAR

um-16/2/2005: 3

PUTRAJAYA 15 Feb. — Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) yang didedikasikan penubuhannya untuk bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia, akan melantik fellow pertama pertengahan tahun ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, fellow berkenaan akan menjalankan kajian ilmiah mengenai dasar, strategi, inisiatif dan karakter pemimpin berkenaan yang meletakkan negara sehingga ke tahap sekarang.

Beliau yang juga Presiden Kehormat YKP memberitahu, pihaknya mungkin akan menentukan tajuk kajian yang dijalankan oleh fellow seperti kejayaan mentadbir negara berbilang kaum dan agama dalam keadaan aman sehingga menjadi contoh.

Dr. Mahathir yakin tesis atau kajian ilmiah fellow terbabit dapat menyumbang kepada usaha YKP untuk mendokumentasikan pelbagai maklumat mengenai jasa pemimpin negara dan meningkatkan kesedaran tentang sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi, sosial dan politik tanah air.

"Secara ilmiah kita akan lantik fellow dan tentukan tajuk (tesis) antaranya bagaimana hubungan antara kaum begitu berjaya di Malaysia.

"Orang yang membuat kajian ilmiah untuk doktor falsafah (Ph.D.) ini akan diberi tempat di yayasan," katanya dalam temu bual dengan *Utusan Malaysia*, *The Star* dan *New Straits Times* di pejabatnya di sini semalam.

Dr. Mahathir turut membayangkan pelantikan fellow bagi kajian tertentu melibatkan bekas Perdana Menteri itu akan dibuat setiap tahun dengan calonnya akan dipilih daripada kalangan ahli akademik tempatan dan asing.

"Saya fikir adalah perlu untuk kita tahu bagaimana kita ada di sini, bagaimana Malaysia sebelum merdeka kerana ramai golongan muda celik-celik mata, negara sudah maju.

Dalam pada itu, beliau memberitahu YKP juga akan menganjurkan seminar dan diskusi di samping meneruskan usaha mengumpul rekod mengenai sejarah Malaysia yang berada dalam simpanan pelbagai institusi di seluruh negara.

"Kita punya fokus utama ialah untuk empat orang bekas Perdana Menteri. Ia proses berterusan, dokumentasi, digitalkan.

"Kita juga akan cuba dapatkan dari dalam dan luar negara. Kita perlu bersedia untuk membelinya jika perlu," katanya.

Beliau menganggarkan kira-kira RM100 juta diperlukan bagi menjalankan usaha.